# JABATAN PELANCONGAN



**PROGRAM**

**Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian**

**SINOPSIS**

Program Sarjana Muda Keusahawanan dalam bidang Pelancongan memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan dan mengembangkan pemahaman yang berkaitan dengan teori dan aplikasi keusahawanan khusus dalam industri pelancongan. Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai pemahaman yang luas mengenai bidang fungsi pengurusan pelancongan di samping dapat mengenalpasti, meneroka dan merebut peluang dan ruang perniagaan dalam bidang pelancongan secara global.

## BIDANG UTAMA PROGRAM :

- Pengurusan Acara dan MICE (*Event Management & MICE*)
- Pengurusan Pusat Tarikan Pelancongan (*Visitor Attraction Center Management*)
- Pengurusan Pengembaraan dan Perjalanan (*Travel & Tours Management*)

## MAKLUMAT PROGRAM

| Maklumat | Program Sepenuh Masa | Program Separuh Masa |
|---|---|---|
| Tempoh Pengajian | 3 - 8 tahun | 4 - 10 tahun |
| Jumlah Kredit Bergraduat | 123 kredit | 123 kredit |
| Medium Penyampaian | Bersemuka, *Online Learning* | Bersemuka, *Online Learning* |

## PROSPEK KERJAYA

Usahawan bidang pelancongan , Pengurus/Penyelia/Eksekutif Agensi Pelancongan, Pengurus Chalet & Resort, Pemandu Pelancong, Pemaju Pusat Peranginan, Pegawai Pelancongan dan Pensyarah di kolej, politeknik dan universiti awam dan swasta.



MITA, Putra World Trade Centre, Asian Overland Services : **RAKAN STRATEGIK**

# JABATAN HOSPITALITI



**PROGRAM**

**Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian**

**SINOPSIS**

Program Sarjana Muda Keusahawanan dalam bidang Hospitaliti memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan dan mengembangkan pemahaman berkaitan dengan teori dan aplikasi keusahawanan khusus dalam hospitaliti. Matlamat program ini adalah untuk memupuk budaya keusahawanan dan menghasilkan graduan yang berdaya tahan, berani mengambil peluang, mampu berfikir secara kreatif, inovatif dan beretika serta berfikiran terbuka dalam sebarang bentuk persekitaran perniagaan khususnya dalam industri hospitaliti. Pelajar akan didedahkan kepada peluang-peluang perniagaan dalam bidang hospitaliti seperti penginapan, perkhidmatan makanan dan minuman, pengurusan fasiliti serta pengurusan pusat hiburan.

## BIDANG UTAMA PROGRAM :

- Pengurusan Fasiliti/ Penginapan (*Facility/ Accommodation Management*)
- Pengurusan Restoran (*Restaurant Management*)

## MAKLUMAT PROGRAM

| Maklumat | Program Sepenuh Masa |
|---|---|
| Tempoh Pengajian | 3 - 8 tahun |
| Jumlah Kredit Bergraduat | 123 kredit |
| Medium Penyampaian | Bersemuka, *Online Learning, Hands On* |

## PROSPEK KERJAYA

Usahawan bidang makanan dan minuman, Pegawai Perkhidmatan Makanan, Pengurus/ Penyelia/ Eksekutif bidang perhotelan, Pengurus/ Penyelia/ Eksekutif Pemasaran, Pegawai Kerajaan dan Pensyarah di kolej, politeknik dan universiti awam dan swasta.



**RAKAN STRATEGIK :** QSR Brands, De'Viana Hotel & Apartment, rpt Recruit, Place & Train



# JABATAN KESEJAHTERAAN

## PROGRAM

**Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian**

## SINOPSIS

Program Sarjana Muda Keusahawanan dalam bidang Kesihatan memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan dan mengembangkan pemahaman yang berkaitan dengan teori dan aplikasi keusahawanan khusus dalam kesihatan dan kesejahteraan (health & wellness). Program ini bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai pemahaman yang luas mengenai bidang fungsi pengurusan kesihatan dan kesejahteraan di samping dapat mengenalpasti, meneroka dan merebut peluang perniagaan dalam bidang kesihatan dan kesejahteraan (health & wellness) secara global.

## BIDANG UTAMA PROGRAM :

- Pengurusan Spa dan Aromaterapi *(Spa & Aromatherapy Management)*
- Kecergasan dan Fisioterapi *(Fisiotheraphy & Fitness)*
- Pengurusan Rumah *(Nursing Home Management)*
- Pemakanan dan Kesihatan *(Nutrition and Health)*

## MAKLUMAT PROGRAM

| Maklumat | Program Sepenuh Masa |
|---|---|
| Tempoh Pengajian | 3 - 8 tahun |
| Jumlah Kredit Bergraduat | 123 kredit |
| Medium Penyampaian | Bersemuka, *Online Learning, Hands On* |

## PROSPEK KERJAYA

Usahawan, Pengurus/ Penyelia/ Eksekutif dalam industri Spa, Pusat Kecantikan, Pusat Penjagaan Kesihatan, Rehabilitasi, Gymnasium, Pusat Kecergasan, Pakar Pemakanan serta Pensyarah di kolej, politeknik dan universiti awam dan swasta.




**RAKAN STRATEGIK :** Wellness & Spa, DeWanita (Dewan Perniagaan Melayu Malaysia)



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN (FHPK)

## PENGENALAN

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) merupakan salah satu fakulti yang ditubuhkan pada 1 Jun 2016. Selaras dengan agenda universiti yang menekankan kepada aspek keusahawanan, FHPK menawarkan program yang berteraskan keusahawanan dalam bidang pelancongan, hospitaliti dan kesejahteraan. Ketiga-tiga program yang ditawarkan di FHPK bersifat holistik yang merangkumi ciri-ciri keusahawanan, kemahiran diri dan pengurusan secara umumnya.

## VISI FAKULTI

Menjadi peneraju pembangunan modal insan dalam pendidikan Pelancongan, Hospitaliti dan Kesejahteraan.

## SENARAI PROGRAM DITAWARKAN

- Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian

## SYARAT KEMASUKAN

| BIL | PROGRAM PENGAJIAN | KALAYAKAN MINIMUM | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | STPM | MATRIKULASI | STAM | DIPLOMA |
| | Memenahi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM | | | | |
| 1<br>2<br>3 | IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (HOSPITALITI) DENGAN KEPUJIAN<br>IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (KEUSAHAWANAN KESIHATAN) DENGAN KEPUJIAN<br>IJAZAH SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PELANCONGAN) DENGAN KEPUJIAN | Mendapat minimum PNGK 2.00;<br>Dan:<br>Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat STPM dalam mana-mana DUA (2) daripada mata pelajaran selain Pengajian Am. | Mendapat minimum PNGK 2.00<br>Dan:<br>Mendapat sekurang kurangnya Gred C (NGMP 2.00) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mana-mana DUA (2) mata pelajaran berikut:<br>• Matematik<br>• Perakaunan<br>• Ekonomi<br>• Pengurusan Perniagaan<br>• Fizik<br>• Kimia<br>• Biologi<br>Dan:<br>Mendapat sekurang kurangnya kepujian pada peringkat SPM dalam EMPAT (4) mata pelajaran | Minimum pangkat JAYYID<br>Dan:<br>Kepujian dalam Empat (4) daripada mata pelajaran-mata pelajaran berikut -<br>1 Bahasa Arab / Bahasa Arab Komunikasi<br>2 Pendidikan Islam / Tassawur Islam / Pendidikan Syariah Islamiyyah / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah<br>3 Matematik / Matematik Tambahan / Sains / Prinsip Perakaunan / EkonomiAsas / Perdagangan. | Memiliki Diploma dalam bidang berkaitan ATAU bidang teknikal dari Institusi yang diktiraf oleh kerajaan, MQA dan diperakukan oeh Senat UMK dan mendapat PNGK sekurang-kurang 2.50<br>atau<br>Memiliki kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diperakukan oeh Senat UMK dengan mendapat PNGK sekurang kurangnya 2.50 |
| | Dan:<br>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 ( Band 2) dalam *Malaysian University English Test (MUET)* | | | | |

## HUBUNGI KAMI :

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK),
Universiti Malaysia Kelantan,
Kampus Kota, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Kelantan,
Malaysia.
09 - 771 7160
09 - 771 7152
www.umk.edu.my
fhpk@umk.edu.my
fhpkUMK

